

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 DISEMBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 25

## Pasaran kerja dijangka lebih baik tahun depan

### Pasaran kerja dijangka lebih baik tahun depan

Pasaran pekerjaan negara dijangka terus bertambah baik dalam tempoh beberapa bulan akan datang, disokong pengukuhan berterusan dalam ekonomi domestik.

HLIB Research dalam nota penyelidikan, berkata pasaran dijangka mendapat suntikan tambahan jika sebarang inisiatif berkaitan pekerjaan baharu diumumkan dalam Bajet 2023 yang akan dibentangkan semula.

"Bagaimanapun, kadar pemulihan mungkin menyaksikan kelembapan pada masa hadapan, memandangkan risiko kemelesetan global yang semakin meningkat dan permintaan yang semakin lemah.

"Kitaran penurunan teknologi global juga menyebabkan syarikat elektrik dan elektronik (E&E) mengurangkan pengeluaran, yang mana mungkin memperlahankan pengambilan pekerja dalam tempoh terdekat.

"Kami mengekalkan ramalan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 8.2 peratus bagi tahun ini," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Affin Hwang Investment Bank, Alan Tan Chew Leong, berkata melangkah ke hadapan, bank pelaburan itu percaya ketidakpastian makro luaran berkeungkinan mengheret permintaan luaran dan prestasi ekonomi Malaysia dalam tempoh terdekat, namun ia dijangka terus disokong oleh permintaan dalam negeri.

Justeru, katanya, keadaan pasaran buruh akan kekal stabil pada beberapa bulan akan datang walaupun terdapat ketidakpastian dalam ekonomi global.

"Kami percaya pertumbuhan mampan dalam permintaan domestik akan menjadi penting dalam menyokong ekonomi pada tahun hadapan dan kemungkinan pembukaan semula ekonomi China pada 2023 boleh menjadi pemangkin positif kepada ekonomi Malaysia.

"Dengan purata pertumbuhan KDNK benar sebanyak 9.3 peratus pada tiga suku pertama 2022, kami mengekalkan ramalan 2022 kami pada 7.5 peratus, berbanding 3.1 peratus pada 2021," katanya.

Chew Leong berkata, bagi setahun penuh 2023, dengan risiko penurunan daripada faktor luaran, terutama keseimbangan pertumbuhan global yang lebih lemah daripada jangkaan, Affin Hwang Investment Bank mengunjurkan pertumbuhan KDNK benar Malaysia menjadi

Keadaan pasaran buruh akan kekal stabil pada beberapa bulan akan datang walaupun terdapat ketidakpastian dalam ekonomi global

Alan Tan Chew Leong, Penganalisis Affin Hwang Investment Bank



lebih perlahan kepada 3.7 peratus, disokong oleh permintaan dalam negeri.

"Kami mengunjurkan kadar pengangguran negara berkisar antara 3.6 hingga 3.8 peratus tahun ini dan purata sekitar 3.7 hingga 3.8 peratus pada 2023 (4.6 peratus pada 2021)," katanya.

#### Kadar pengangguran susut

Penganalisis Kenanga Research pula berkata, walaupun jangkaan kelembapan ekonomi global pada 2023, firma penyelidik itu percaya permintaan domestik yang kukuh untuk menyokong aktiviti pengambilan pekerja tahun depan dengan pemulihan ekonomi global dijangka bermula seawal separuh kedua tahun hadapan.

"Kami menjangkakan kadar pengangguran menurun kepada 3.3 peratus pada 2023. Begitu juga, kami mengekalkan ramalan KDNK 2022 pada 8.6 peratus dan terus menyederhana kepada 4.3 peratus pada 2023 di tengah-tengah jangkaan kelembapan ekonomi global dan normalisasi dalam aktiviti ekonomi selepas wabak," katanya.

Kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3.6 peratus pada Oktober, terendah sejak Februari 2020.

Jumlah orang menganggur menyusut sedikit 0.5 peratus pada Oktober berbanding penurunan 1.1 peratus bulan sebelumnya.

Walaupun penurunan adalah yang paling kecil sejak Mac, ia merosot selama 15 bulan berturut-turut di tengah-tengah peningkatan yang stabil dalam pasaran buruh kerana ekonomi kekal dalam mod pemulihan.

Justeru, bilangan penganggur terus merosot kepada 602,000 orang dari 605,000 pada September, terendah sejak Februari 2020.